



09 DEC, 2022

## PKS mampu percepatkan pengkomersialan produk teknologi tempatan



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# PKS mampu percepatkan pengkomersialan produk teknologi tempatan

**KUALA LUMPUR** - Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menjangka perjalanan teknologi di negara ini akan membangun dengan lebih pesat, disokong oleh ekosistem keusahawanan yang semakin berkembang maju terutamanya daripada golongan muda.

Ketua Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus berkata, semakin ramai anak muda kini menunjukkan minat yang tinggi untuk berkecimpung dalam bidang teknologi.

"Kita juga mengiktiraf ramai usahawan muda kerana mereka berani mengambil risiko untuk mengkomersialkan teknologi dan sanggup menunggu lama (untuk produk mereka berjaya dikomersialkan)," katanya kepada pemberita selepas Sambutan Ulang Tahun ke-30 MTDC yang bertemakan *Odyssey Beyond The Horizon* pada Rabu.

Norhalim berkata, MTDC kini memberikan fokus utama terhadap 'deep tech', yang memerlukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) mendalam dan seterusnya peringkat 'scaling up' agar produk dapat dihasilkan mengikut piawaian dan mutu yang diperlukan oleh pengguna.

Katanya, antara bidang yang menjadi keutamaan ialah bioperubatan serta elektrik dan elektronik (E&E).

"Pada masa depan, kami akan me-

**“** MTDC kini memberikan fokus utama terhadap 'deep tech', yang memerlukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) mendalam dan seterusnya peringkat 'scaling up' agar produk dapat dihasilkan mengikut piawaian dan mutu yang diperlukan oleh pengguna. Antara bidang yang menjadi keutamaan ialah bioperubatan serta elektrik dan elektronik (E&E)"



- Norhalim



**MTDC**  
MALAYSIAN TECHNOLOGY  
DEVELOPMENT CORPORATION

nuju ke arah reka bentuk cip. Kita berharap sebuah syarikat yang kita laburkan dalam bidang ini akan disenaraikan di Bursa Malaysia tidak lama lagi.

"Selain itu, mungkin terdapat tiga lagi syarikat yang dijangka disenaraikan (di Bursa Malaysia) pada suku pertama dan kedua pada 2023.

"Ia ialah TT Vision, sebuah syarikat yang terlibat dengan 'machine vision solutions' serta membangunkan automasi dan robotik. Selain itu, syarikat yang terlibat dalam industri 4.0 dan sebuah lagi

syarikat perkhidmatan pembuatan kejuruteraan (belum dapat diumumkan nama syarikat)," katanya.

Pada majlis itu, MTDC meraih perjalanan 30 tahun perannya membangunkan syarikat berteraskan teknologi dan pengkomersialan teknologi baharu termasuklah antara terawal mendapat pelaburan MTDC iaitu Globetronics Technology Bhd pada 1993.

Sehingga kini, MTDC telah membiayai dan melabur dalam lebih 850 syarikat dan sebahagian daripadanya berjaya disenaraikan dengan mencapai lebih RM1 bilion permodalan pasaran. - Bernama



09 DEC, 2022

## PKS mampu percepatkan pengkomersialan produk teknologi tempatan

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menjangka perjalanan teknologi di negara ini akan membangun dengan lebih pesat, disokong oleh ekosistem keusahawanan yang semakin berkembang maju terutamanya daripada golongan muda. Ketua Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus berkata, semakin ramai anak muda kini menunjukkan minat yang tinggi untuk berkecimpung dalam bidang teknologi.